

13 SEP 1999

TENTERA MALAYSIA SIAP KE TIMOR TIMUR, KATA ABANG

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Malaysia telah meminta angkatan tenteranya bersiap untuk menyertai pasukan misi pengaman Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur, kata Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, hari ini.

"Saya akan memaklumkan kepada mesyuarat Jemaah Menteri bagi mendapatkan keputusan kerajaan berhubung penyertaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam misi ini," katanya dalam satu kenyataan.

"Bagaimanapun, ATM telah diminta membuat segala persiapan bagi keperluan menyertai misi itu nanti," kata beliau.

Abang Abu Bakar berkata, setakat ini pihak Kementerian belum lagi menerima maklumat terperinci berhubung mandat misi tentera PBB di Timor Timur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga memberitahu hari ini bahawa Malaysia bersedia berkhidmat dalam pasukan pengaman PBB di Timor Timur.

Katanya setiausaha agung PBB Kofi Annan telah bertanya kepada beliau sama ada Malaysia boleh menyumbangkan pasukan tenteranya jika diperlukan.

"Malaysia menjawab ya. Kita bersedia berkhidmat di Timor Timur. Jika semua pihak setuju, kita akan menghantar tentera kita ke sana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di sini hari ini.

-- BERNAMA

gm zb